



Enjoy and afford luxurious waterfront living

Berita Utama

Varsiti S'pura, Vietnam jalin MOU penyelidikan, pertukaran pelajar

Dimeterai semasa lawatan PM Lee Hsien Loong ke Vietnam

Lee Hsien Loong vietnam pendidikan

ATIYYAH MOHD SAID

Aug 30, 2023 | 03:43 PM

Dapatkan artikel ini untuk diterbitkan semula



JALIN KERJASAMA: Naib presiden (Industri) NTU, Profesor Lam Khin Yong (depan, kiri), dan Presiden VNU, Profesor Le Quan, memeterai MOU dengan disaksikan (dari kiri) Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing; isteri Perdana Menteri Lee Hsien Loong, Cik Ho Ching; Encik Lee; Perdana Menteri Vietnam, Encik Pham Minh Chinh; isteri beliau, Cik Le Thi Bich Tran; dan Menteri Pendidikan dan Latihan Vietnam, Encik Nguyen Kim Son. - Foto MCI/PMO

Singapura dan Vietnam menjalin kerjasama lebih erat dalam pendidikan dengan pemeteraian dua memorandum persefahaman (MOU) oleh universiti dari kedua negara.

Universiti Teknologi Nanyang (NTU) akan berganding bahu dengan Universiti Nasional Vietnam, Hanoi (VNU), dan Universiti Nasional Vietnam, Bandar Ho Chi Minh (VNU-HCM), dalam memberi tumpuan kepada penyelidikan bersama dalam pembangunan mampan, perubahan iklim dan pengurusan trafik udara, termasuk memudahkan pertukaran pelajar.

Dua MOU itu ditandatangani pada Selasa dengan disaksikan oleh Perdana Menteri, Encik Lee Hsien Loong, semasa lawatannya ke kampus VNU, dan Perdana Menteri Vietnam, Encik Pham Minh Chinh.

Turut hadir ialah Menteri Pendidikan, Encik Chan Chun Sing, dan Menteri Pendidikan dan



From hauling in lobsters to ziplining over the Swan River



Saving bees, and getting others to love them too


Read More on BusinessTimes.com.sg

Latihan Vietnam, Encik Nguyen Kim Son.

Kunjungan ke VNU adalah antara acara Encik Lee pada hari terakhir rangka lawatan rasmi beliau ke Vietnam dari 27 hingga 29 Ogos.

Daftar dan baca laporan berbayar kami secara percuma bagi tempoh terhad selama dua minggu.

KLIK DI SINI UNTUK MENGETAHUI LEBIH LANJUT



Menurut satu kenyataan NTU, perjanjian itu akan membolehkan fakulti dan pelajar belajar daripada satu sama lain menerusi program pertukaran dan berkongsi serta bertukar-tukar amalan terbaik dalam bidang penyelidikan yang diminati bersama.

Presiden NTU, Profesor Ho Teck Hua, berkata: "Perjanjian terbaru antara NTU Singapura dengan dua universiti awam terkemuka di Vietnam ini mengukuhkan lagi perkongsian dan kerjasama erat yang telah kami wujudkan untuk bertukar-tukar pengetahuan dan projek penyelidikan lanjutan di institusi kami.

"Ia adalah bukti hubungan yang semakin meningkat antara Singapura dan Vietnam, yang semakin kukuh sejak beberapa tahun kebelakangan ini."

Beliau menambah bahawa perkongsian pengetahuan, pembangunan projek penyelidikan bersama, dan kerjasama erat dalam penyelidikan akademik akan memberi manfaat besar kepada fakulti dan pelajar di NTU, VNU, dan VNU-HCM.

Presiden VNU, Profesor Le Quan, menjelaskan bahawa NTU dan VNU telah menjalin hubungan kerjasama selama bertahun-tahun dengan pelbagai aktiviti kerjasama praktikal pada masa lalu.

"Menandatangani MOU antara NTU dengan VNU telah menyumbang secara signifikan dalam memperdalam perkongsian sedia ada dan membuah hasil bagi kedua-dua institusi," ujarnya.

Canselor VNU-HCM, Profesor Vu Hai Quan, berkata kerjasama dengan NTU, sebuah universiti terkemuka dunia, adalah satu langkah ke hadapan yang luar biasa dalam usaha meningkatkan mutu pendidikan dan penyelidikan.

"Kerjasama ini bukan memberi manfaat kepada institusi kami sahaja, malah menyumbang kepada kemajuan masyarakat secara keseluruhannya," kata beliau.

Di bawah MOU NTU dan VNU, kedua institusi itu akan bekerjasama dalam pertukaran fakulti dan pelajar serta kerjasama penyelidikan.

Fakulti daripada kedua universiti juga berpeluang mengikuti pertukaran fakulti untuk penyelidikan, kuliah dan seminar, di samping bertukar-tukar pengalaman tentang kaedah pengajaran dan menganjurkan kerja amali bagi pelajar.

Perjanjian antara NTU dengan VNU-HCM akan menyaksikan Institut Penyelidikan Pengurusan Trafik Udara (ATMRI) NTU bergabung dengan universiti Vietnam itu dalam projek khusus berkaitan pengurusan trafik udara seperti aplikasi kecerdasan buatan dan teknologi interaksi manusia-komputer.

Kedua institusi itu juga akan membangunkan program pertukaran melibatkan penyelidik dan pelajar, menurut kenyataan NTU itu.

Semasa lawatan beliau, Encik Lee dan Encik Chinh berinteraksi dengan sekitar 50 pelajar Vietnam daripada program seperti matematik, sains komputer dan kejuruteraan.

Setelah sesi pertemuan itu, kedua pemimpin makan tengah hari bersama sekumpulan pelajar VNU di kantin kampus universiti itu.

VNU, yang ditubuhkan pada 1993, kini mempunyai tiga kampus di Hanoi, Bandar Ho Chi Minh dan Hoa Lac.